

PETIKAN TITAH

"(...) semogalah keberkatan di bulan Ramadan yang mubarak tidak akan luput dalam keghairahan kita merayakan Hari Raya dan akan menjadikan kita sentiasa tabah dan waspada dalam menjalani



MANISNYA IMAN

"DARI Al-Bara' bin 'Azib ia berkata : Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, sesungguhnya yang awal-awal sekali kita mulakan pada hari ini (Hari Raya) ialah sembahyang." - Maksud hadis Rasullullah

R abu

2 November, 2005
29 Ramadan 1426
Tahun 50 Bilangan 44

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Kan Halnya](#)[Sepuluh Negara Satu Masyarakat](#)[Sorotan Berita](#)[Sari Pembangunan](#)[Menjana Kesihatan Biskita](#)[Ekonomi](#)[Sudut Perkhidmatan Awam](#)[Melirik Masa Silam](#)[Belia](#)[Sastera dan Budaya](#)[Arena Sukan](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Minda Pembaca](#)[Aneka Rencana](#)[Remaja](#)[Iklan-iklan Jawatan Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

DI BAWAH Seksyen 8 Bab 99, Akta Maklumat Pekerjaan 1974, barangsiapa yang gagal menghantar maklumat pekerja, jika sabit kesalahan boleh didenda sebanyak dua ribu lima ratus ringgit (\$2,500.00) dan penjara enam (6) bulan dan jika ianya berterusan boleh didenda sebanyak lima puluh ringgit (\$50.00) sehari. - Sumber dari Bahagian Kajian dan Perangkaan, Jabatan Buruh iaitu mengikut akta Maklumat Pekerjaan 1974 Bab 99 Seksyen 3 (1).

Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@pelita.gov.bn)

HALUAN



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sempena Menyambut dan Memperingati Nuzul Al-Quran 1426 Hijrah/2005 Masih pada 17 Ramadan 1426/20 Oktober 2005.

PENDIDIKAN YANG SEMPURNA MATLAMAT KITA : BELAJARLAH DARI KESILAPAN, PENGALAMAN LAMA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita wajib bersyukur kerana dapat berada dalam bulan yang mubarak ini dalam keadaan sihat afiat sehingga membolehkan kita aktif beribadat serta berpuasa dengan penuh selesai.

Kita juga lebih-lebih lagi mesti bersyukur, kerana telah dikurniakan oleh Allah keamanan serta pemeliharaan yang berpanjangan terhadap negara ini berbanding dengan setengah-setengah tempat di dunia telah dan sedang mengalami kemusnahan akibat pelbagai malapetaka seperti ribut taufan, gempa bumi dan letupan-letupan yang membunuh. Semua ini bukanlah sia-sia, melainkan satu iktibar jua yang mempunyai erti tersendiri di sisi Allah.

Dengan wujudnya keamanan dan keselamatan dalam negara, telah memberikan peluang kepada ummah untuk hidup dengan riang gembira tanpa sebarang ketakutan dan ancaman tanpa perlu merayu dan memohon bantuan-bantuan kemanusiaan daripada sesiapa jua pun, tidak seperti orang-orang malang di setengah-setengah bahagian dunia ini.

Nikmat ini hendaklah kita pelihara dengan penuh rasa sedar dan insaf, bukannya dengan tenggelam dalam kegembiraan-kegembiraan melulu atau hiburan-hiburan serta main-main yang melekakan, sehingga banyak tanggungjawab kepada Allah dan kepada negara dilupakan. Ini namanya tidak bersyukur nikmat, di mana bagi mereka yang tidak bersyukur nikmat adalah terdedah kepada penarikan semula nikmat tersebut. Dan nisbah kepada negara pula, apabila nikmat ditarik, bermakna apa yang ada pada hari ini akan bertukar menjadi sebaliknya. Wal-iyazu-billah min zalik.

Kita ingin melihat Brunei yang molek ini selamanya dibalut dengan nikmat dan rahmat Allah. Jangan ia dibiarkan cacat walau sedikitpun. Hiasi kemakmurannya dengan syukur dan ibadat kepada Allah serta pelihara keamanannya dengan ketaatan. Inilah tanggungjawab kita semua.

Semua kita perlu memahami ini. Ini adalah pendekatan agama. Agama telah menyuruh kita begitu supaya selamat, supaya tahan lama dan malah kekal di dalam keselamatan tersebut.

Dan inilah pula maknanya, ekrajaan benar-benar mengambil berat pendidikan agama, supaya kita mampu membawa negara ini kepada keselamatan yang sebenar-benarnya. Bukan keselamatan pendekatan manusia, tetapi keselamatan pendekatan Allah yang diajarkan kepada manusia.

Sekarang, pendidikan agama telah pun dikembalikan semula kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Laksanakanlah ia dengan sebaik-baiknya. Jalankan berdasarkan kajian dan perancangan kemas, bukannya setakat mencuba-cuba, sedangkan hasil yang diramalkan adair percubaan itu masih samar-samar kepada kita. Buatlah apa yang benar-benar telah difikirkan dengan sedalam-dalam dan semasak-masaknya. Belajarlah dari kesilapan dan pengalam lama, umpamanya apa sudah jadi kepada aliran Sains Sekolah Arab dahulu dan juga sistem bersepadu? Ini semua, rasanya sudah cukup untuk mengajar kita.

Pendidikan agama yang sempurna adalah matlamat kita. Negara adalah sentiasa menghasratkan untuk mempunyai rakyat yang berilmu, beriman dan bertakwa, supaya dengan itu, keberkatan akan melimpah dari langit dan tumbuh dari bumi. Inilah cita-cita ummah yang berpedomankan Al-Quran yang sedang kita sambut dan rayakan nuzulnya pada malam ini.

Al-Quran mesti diberikan hati oleh ummah dengan banyak-banyak membacanya. Al-Quran adalah ubat. Kita mesti berubat dengan Al-Quran.

Al-Quran adalah pusaka ketuhanan. Umat Islam mesti mewarisinya. Jika terhadap harta benda, manusia suka berebut, mengapakah tidak terhadap Al-Quran? Al-Quran adalah khazanah langit yang tidak pernah tulus. Semakin ia dibaca dan dihayati, semakin banyak imbalannya. Kerana itulah, dalam pendidikan, Al-Quran tidak boleh dipinggirkan. Negara Brunei Darussalam adalah tidak mampun untuk melihat rakyatnya mengeluh kerana tidak pandai membaca Al-Quran. Negara ini mesti tegak menjadi negara Al-Quran.

Marilah kita sama-sama berdoa, semoga Allah menjadikan Al-Quran sebagai teman hati-hati kita, sebagai cahaya penglihatan kita, sebagai penghapusan kesusahan dan kesedihan kita dan sebagai pemelihara ketika kita duduk, berdiri, tidur dan berjalan-jalan. Sekian, Wabillahir Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.